



## جابتني أقسام إسلام فـي رـاـق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(58)  
Tarikh: 7 Zulhijah 1446H  
4 Jun 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH AIDILADHA 2025M/1446H DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Aidiladha yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi tahun ini adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>7 Jun 2025 / 10 Zulhijah 1446</b>
<b>Tajuk</b>	<b>Menyelami Falsafah Tersirat di Sebalik Peristiwa Korban</b>

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**



## TEKS KHUTBAH AIDILADHA

“MENYELAMI FALSAFAH TERSIRAT  
DI SEBALIK PERISTIWA KORBAN”

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

1446 H / 2025 M



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MENYELAMI FALSAFAH TERSIRAT DI SEBALIK PERISTIWA KORBAN"

7 Jun 2025 / 10 Zulhijah 1446

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
 اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
 اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ<sup>۱</sup>،  
 اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَقَنَا لِعِبَادَتِهِ، وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرْحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
 اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>۲</sup>  
 وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَا حُسَانٌ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ  
 وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>۳</sup> حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Muslimin Muslimat yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kita menjadi insan beriman dan bertakwa, selamat di dunia – sejahtera di akhirat. Alhamdulillah, pada pagi yang barakah ini, dengan limpahan rahmat Ilahi, sekali lagi kita berpeluang meraikan Aidiladha, menjadi tetamu di rumah Allah, menunaikan solat sunat Aidiladha secara berjemaah. Mimbar akan memperdengarkan khutbah Aidiladha bertajuk:

### "MENYELAMI FALSAFAH TERSIRAT DI SEBALIK PERISTIWA KORBAN"

Firman Allah SWT, surah as-Saffat, ayat 102:

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنُى إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَأَنْظُرْ مَاذَا تَرَى﴾  
١٦٢ ﴿يَأَبِتَ أَفْعَلُ مَا تُؤْمِنُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ﴾

Bermaksud: “Maka, tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Ibrahim berkata, “Wahai anak kesayangan ku, sesungguhnya aku bermimpi bahawa aku akan menyembelih mu, maka fikirkanlah bagaimana pendapat mu!” Dia menjawab, “Wahai ayah ku, jalankanlah apa-apa yang diperintahkan kepadamu! Insya-Allah, kamu akan mendapati aku termasuk dalam golongan orang yang sabar”.

‘Aidiladha’ ialah perayaan suci umat Islam; hari umat Islam dituntut memperbanyak bertakbir, serta disunatkan melakukan ibadah korban mulai 10 sehingga 13 Zulhijah, untuk diagihkan daging korban kepada golongan yang memerlukan, sebagai tanda ketaatan kepada perintah, dan kesyukuran atas kurniaan Allah SWT.

Aidiladha sewajarnya memperingatkan kita akan peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan kerelaan anaknya Nabi Ismail AS; lantas menuntut kita menghayati falsafah yang terkandung di sebalik ibadah korban, serta meneladani sifat-sifat murni yang melambangkan ketaatan, keikhlasan, pengorbanan dan pengabdian diri kepada Allah SWT.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

### **Muslimin Muslimat yang dikurniai hati nurani**

Islam amat menggalakkan amalan berkorban yang disebut sebagai *al-Ithar*. *Ithar* bermaksud mengorbankan kepentingan diri sendiri untuk orang lain dan mendahulukan keperluan orang lain melebihi diri sendiri. *Ithar* ialah sifat yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah SWT, melambangkan ketinggian akhlak yang mendorong seseorang sanggup berkorban demi kebaikan orang lain.



Nilai *ithar* ini terzahir melalui ibadah korban yang bukan hanya dilakukan melalui penyembelihan binatang ternakan, tetapi melalui menggugurkan sifat tamak, juga menyihikan sifat mementingkan diri sendiri. Ibadah korban mendidik umat agar bersedia berkorban, iaitu kerelaan memberi dan berkongsi, kerana yakin bahawa perkara yang dilakukan merupakan ibadah di sisi Allah SWT yang tidak mendatangkan kerugian, di sebaliknya membawa keberkatan.

Ayat 102 surah as-Saffat yang khatib bacakan pada awal khutbah menggambarkan ketaatan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS, dalam peristiwa korban; saling reda meredai menyerahkan nyawa untuk dilangsungkan penyembelihan anak kesayangan demi menjunjung perintah llahi. Bagaimanakah kita mentafsir peristiwa ini dalam kehidupan sehari-hari kita? Sedar atau tidak, kisah Nabi Ibrahim AS ini ialah kisah kita. Kita juga menghadapi ujian seperti Nabi Ibrahim AS. Nabi Ibrahim AS ada anak bernama Ismail. Nabi Ismail AS hendaklah dilihat bukan sekadar anak, tetapi melambangkan kurniaan llahi yang amat disayangi; dan kurniaan llahi yang amat disayangi oleh manusia datang dalam pelbagai bentuk.

Ismail yang kita sangat sayangi pada hari ini mungkin dalam bentuk kemasyhuran, darjah, pangkat, kuasa, gelaran, paras rupa, harta dan kekayaan; perkara-perkara yang tanpa kita sedari sedang bertakhta di hati kita; dan dalam kealpaan menjadikan kita manusia yang semakin tamak semakin haloba; semakin riak – semangkin angkuh. Ismail yang kita amat sayangi, mungkin kini menjelma dalam bentuk kediaman indah, kenderaan mewah, pakaian cantik, atau lebih memudaratkan sifat-sifat keji yang dibenarkan tumbuh subur dalam jiwa kita seperti sompong, bongkak, riak dan takabbur.

Lantas apakah yang perlu dikorbankan? Nabi Ibrahim AS tidak disuruh menyembelih Nabi Ismail AS secara harfiah. Hikmah di sebalik perintah untuk menyembelih putera kesayangan itu, Allah SWT sebenarnya menginginkan Nabi Ibrahim menggugurkan rasa hak memiliki Nabi Ismail AS. Raya korban ini bukan sekadar seruan untuk mengorbankan haiwan ternakan; tetapi peringatan



untuk insan sedia mengorbankan rasa pemilikan terhadap harta, terhadap nikmat-nikmat dunia yang amat disayangi yang sedang bertakhta di hati kita. Raya korban hendaklah dijadikan peringatan untuk insan meleburkan sifat-sifat keji yang berdaki dalam diri kita, kerana hakikatnya semua yang kita miliki adalah kurniaan yang dijadikan ujian oleh Allah SWT yang Maha Pemberi, sama ada berbentuk darjat, pangkat, kuasa, gelaran, paras rupa, harta dan kekayaan.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ،

### **Muslimin Muslimat Rahimakumullah,**

Sifat *ithar* digalakkan dalam urusan kehidupan dunia, merangkumi ibadat zakat, wakaf, hibah dan sedekah. *Ithar* juga boleh diamalkan dalam kegiatan bermasyarakat seperti tolong menolong, gotong royong, menyertai program sukarelawan dan program kebaikan. *Ithar* juga boleh diamalkan pada perkara yang kita pandang remeh, seperti berhemah ketika memandu di jalan-raya, mendahului pejalan kaki di garisan melintas, mendahului golongan berusia, kanak-kanak, wanita dan ibu mengandung untuk mendapatkan tempat duduk dalam pengangkutan awam, memberi ruang kepada orang kelainan upaya dan berhemah apabila menggunakan kemudahan awam.

Lawan kepada sifat *ithar* ialah sifat-sifat mementingkan diri, tamak haloba dan enggan berkongsi walaupun sedikit pelbagai kelebihan nikmat kurniaan Ilahi. Sifat-sifat buruk ini bukan sahaja menjauahkan kasih sayang Ilahi, malah menjauahkan kasih sayang sesama manusia.

Marilah kita mengambil pengajaran dengan menjadikan ibadah korban sebagai medan untuk menghidupkan semula semangat *ithar*. Mimbar menyeru ummah untuk memupuk sifat *ithar* dalam jiwa melalui perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Laksanakan sembelihan binatang korban dengan niat semata-mata kerana Allah SWT. Utamakan agihan daging korban kepada yang lebih memerlukan terutama fakir miskin, anak yatim, ibu tunggal, orang kurang upaya, dan warga tua, mendahului bahagian sendiri.



**Kedua:** Bersedia mengorbankan harta benda dan wang ringgit untuk membantu golongan yang sangat daif lagi memerlukan termasuk saudara-saudara kita yang sedang menderita di Palestin.

**Ketiga:** Mengorbankan fikiran, tenaga dan masa dengan melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan untuk membantu kumpulan yang tertinggal dan terpinggir dalam arus kemajuan tanpa mengharapkan sebarang imbuhan.

**Keempat:** Mengamalkan sifat merendah diri dengan keinsafan bahawa setiap anak Adam itu sama tarafnya, dan berusaha meningkatkan takwa kerana darjat kemuliaan di sisi Allah SWT ditentukan dengan takwa.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُم بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِلَيْكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَيْرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْرَابَ وَحْدَهُ  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فِيهَا الْمُسْلِمُونَ  
وَالْمُسْلِمَاتُ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,**

Ketika kita beriang ria menyambut Aidiladha bersama kaum keluarga, insaf dan hargailah pengorbanan saudara-saudara kita yang sedang melaksanakan pelbagai tugas fardu kifayah, anggota tentera, polis, bomba dan penyelamat, serta RELA; begitu juga para petugas di Lebuh Raya, para petugas di stesen minyak, para doktor, jururawat dan pemandu ambulans di hospital; para petugas media, serta mereka yang sedang memenuhi amanah dalam pelbagai bidang perkhidmatan 24 jam. Terima kasih kepada mereka yang memenuhi tugas fardu kifayah membolehkan kita menyambut Aidiladha dengan penuh kesyukuran.

Manfaatkan sambutan Aidiladha untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama jiran, sanak-saudara dan kaum kerabat. Jadikanlah hari ini sebagai hari segala sengketa dimaafkan, salah dan silap dilupakan, agar tersemai kasih sayang sesama ummah. Perbanyakam amalan bertakbir memuji dan membesarakan Allah SWT sehingga berakhirnya hari Tasyrik.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٍ عَلَيْهِ وَسَلَامًا<sup>4</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>5</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْلَفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُوَّتِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabal ‘Alamin** terimalah ibadah korban para hamba Mu. Limpahi petunjuk Mu agar kami sentiasa meneladani pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW dalam semangat *ithar* – semangat mendahulukan keajikan orang lain.

**Ya Allah Ya Hafiz!** kurniai kami kesihatan dan lindungi kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika kami menyambut Aidiladha terutama dalam perjalanan menziarahi ibu bapa dan saudara-mara kami. Ganjari pengorbanan para Mujahidin yang berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan kedaulatan Islam dan tanah air, khususnya buat saudara kami di Palestin.

**Ya Mu’mín! Ya Muhaimín!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran

<sup>5</sup> Doa untuk kaum muslimin.



**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik Ya Hadi!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ